



HAJI AWANG ASBOL BIN HAJI MAIL

Pendidikan dan Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1914-1962: Satu Kajian Transformasi

IKHTISAR: Artikel ini – dengan mengguna-pakai pendekatan kualitatif, kaedah sejarah, dan sorotan literatur – membicarakan transformasi pendidikan dan dasar-dasar pendidikan dari tahun 1914 hingga 1962, yang melihatkan tingkat kemajuan, di samping berhadapan dengan berbagai hambatan di Brunei Darussalam. Sebelum Sekolah Melayu ditubuhkan pada tahun 1914, masyarakat Brunei sudah mempunyai pendidikan Islam yang dilakukan di rumah-rumah persendirian, balai, surau, masjid, dan istana. Ia diajarkan oleh para ulama dan orang-orang yang berkemahiran dalam bidang agama. Pendidikan ini semakin pupus, apabila pendidikan agama juga diajarkan di sekolah-sekolah. Sekolah Melayu yang baru ditubuhkan kurang mendapat sambutan dari ibu bapa. Kesedaran pentingnya pendidikan semakin ketara pada tahun-tahun 1950-an, apabila didapati semakin ramai pelajar hadir ke sekolah. Sekolah-sekolah lain, seperti Sekolah Inggeris dan China, juga menunjukkan peningkatan. Oleh itu, pendidikan Brunei memerlukan dasar pendidikan untuk menentukan hala tuju. Dengan yang demikian, wujudlah Dasar Pendidikan 1954 dan 1962. Bagaimanapun, Dasar Pendidikan 1962 gagal dilaksanakan, terutama menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah Brunei Darussalam.

KATA KUNCI: Pendidikan dan Dasar Pendidikan; Transformasi Sosial; Negara Brunei Darussalam.

ABSTRACT: “Education and Educational Policies of Brunei Darussalam, 1914-1962: A Transformation Study”. This article – using a qualitative approach, historical method, and literature review – discusses the transformation of education and educational policies from 1914 to 1962, which saw the level of progress, as well as facing various obstacles in Brunei Darussalam. Before Malay School was founded in 1914, the Bruneian community already has had Islamic education in private homes, halls, little mosques, mosques, and palaces. It is taught by scholars and people who are skilled in the field of religion. This education is becoming extinct, when religious education is also taught in schools. Malay School fledgling little support from parents. Awareness of the importance of education became more pronounced in the 1950s, when more and more students attended schools. Other schools, such as English and Chinese Schools, are also showing improvement. Therefore, Brunei education needs an educational policy to determine its direction. Thus, there was an Education Policy in 1954 and 1962. However, the Education Policy of 1962 failed to be implemented, especially the Malay Language as the main medium of instruction in schools of Brunei Darussalam.

KEY WORD: Education and Educational Policy; Social Transformation; Brunei Darussalam.

About the Author: Prof. Madya Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail ialah Pensyarah Kanan di Jabatan APB UBD (Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam) di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi urusan sebarang akademik, Penulis boleh dihubungi secara terus melalui alamat emel di: asbol.mail@ubd.edu.bn

Suggested Citation: Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2020). “Pendidikan dan Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1914-1962: Satu Kajian Transformasi” in *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 8(2), September, pp.119-136. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808 (print) and ISSN 2684-7388 (online).

Article Timeline: Accepted (July 17, 2020); Revised (August 17, 2020); and Published (September 30, 2020).

PENDAHULUAN

Artikel ini cuba membicarakan pendidikan dan dasar-dasar pendidikan di Brunei Darussalam, dari tahun 1914 hingga 1962, dengan menumpukan kajian terhadap transformasi, di samping melihatkan berbagai hambatannya. Dalam kajian ini hanya menumpukan terhadap dasar-dasar pendidikan akademik, tanpa melibat dasar-dasar pendidikan agama. Pengaruh pemodenan Negara Brunei Darussalam mula berlaku pada tahun 1906. Pada tahun inilah Perjanjian Tambahan telah ditandatangani di antara kerajaan Brunei dan British. Menerusi perjanjian ini, seorang Residen British dilantik untuk membantu Sultan Hashim (1885-1906) dalam menjalankan pentadbiran kerajaan Brunei. Segala nasihat Residen hendaklah diikuti, kecuali dalam hal Ugama Islam (Mail, 2013; Mail & Suwirta, 2018; dan Abduh, 2019).

Kemunculan pentadbiran Residen tidak hanya membawa pengaruh pemodenan dalam bidang politik, tetapi juga sosial dan ekonomi. Salah satu bidang sosial yang menerima pemodenan pada ketika itu ialah pendidikan. Masyarakat Brunei, khususnya orang-orang Islam, memang sudah mempunyai sistem pendidikan Islam. Bagaimanapun, ia dilaksanakan dalam bentuk tradisi atau tidak formal, yang dilakukan di rumah-rumah, balai, surau, masjid, dan istana. Ia dijalankan secara persendirian dan sukarela, tanpa ada campur tangan rasmi dari pihak kerajaan (Bani, 2008; Mail *et al.*, 2018; dan Abduh, 2019).

Apabila sistem pentadbiran Residen diperkenalkan dalam pentadbiran awam Brunei, Residen British merasa sukar mendapatkan anak-anak Brunei yang pandai membaca dan menulis dalam huruf Rumi. Mereka ini diperlukan untuk membantu Residen melaksanakan pentadbiran awam di Brunei, yang semakin berkembang. Lantaran itu, timbul idea untuk

menubuhkan sekolah bagi melahirkan anak-anak Brunei yang boleh membaca dan menulis dalam huruf Rumi (Mail, 2007; Mohamed, 2011; dan Ahmad, 2019).

Sekolah Melayu, yang ditubuhkan pada tahun 1914, merupakan sistem pendidikan moden yang julung-julung kali diperkenalkan di Brunei. Sejak itu, ia terus berkembang dengan tidak hanya Sekolah Melayu, tetapi kemudiannya diikuti oleh kemunculan Sekolah China, Inggeris, dan Agama Islam. Ini menunjukkan bahawa kerajaan Brunei pada ketika itu mengamalkan sikap toleransi terhadap kepelbagaian aliran pendidikan atau sekolah vernakular. Sungguhpun kesan jangka panjang dari segi perpaduan rakyat berbilang kaum tidak begitu baik. Bagi sesetengah negara, sekolah berbagai aliran tidak dibenarkan (Bani, 2008; Salman, 2014; dan Mail, 2018).

Bagaimanapun, sistem pendidikan formal ini masih berhadapan dengan berbagai hambatan, terutama dari segi kehadiran murid-murid yang berada di tahap yang kurang memuaskan. Oleh itu, ia telah mendorong kerajaan untuk menggubal undang-undang yang mewajibkan kehadiran murid-murid ke sekolah pada tahun 1929. Oleh kerana sistem pendidikan formal Brunei sentiasa mengalami perkembangan dan perubahan dari masa ke semasa. Ia beransur-ansur telah diterima oleh masyarakat Brunei, apabila menyedari bahawa pendidikan itu penting kepada masa depan anak-anak mereka, bermula pada tahun-tahun 1950-an (Bani, 2008; Mail *et al.*, 2018; dan Abduh, 2019).¹

Dengan demikian, ia memerlukan dasar-dasar khusus dalam menentukan hala-tuju sistem

¹Lihat juga, contohnya, "BAR: Brunei Annual Report, 1928". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis; dan "BAR: Brunei Annual Report, 1929". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis.

pendidikan di negara ini. Dasar-dasar yang sudah wujud mengandungi berbagai isu yang boleh diperkatakan. Meskipun pendidikan formal mula diperkenalkan pada tahun 1914, seperti yang dijelaskan di atas, namun kerajaan di bawah pentadbiran Residen British tidak pernah mengeluarkan dasar rasmi pendidikan negara, sehingga tahun 1954. Sedangkan dalam perancangan untuk meningkatkan mutu pendidikan generasi muda Brunei, ia hanya boleh dicapai menerusi penubuhan dasar yang jelas dan teratur (Jibah, 1983; Osman, 1990; dan Mail, 2013).²

Dasar adalah ketetapan dalam proses pengurusan sesebuah organisasi atau kerajaan. Dasar bukan sesuatu yang neutral dan statik, kerana motif tersirat mempunyai hubungan dengan bidang politik, ekonomi, dan sosial. Antara motif-motif ini, politik merupakan satu aspek yang biasanya mempengaruhi orientasi dan kandungan sesuatu dasar, tidak terkecuali dasar pendidikan sesebuah negara. Dasar pendidikan yang jelas memang tidak boleh dinafikan kepentingannya sebagai landasan dan garis-pandu dalam menentukan hala-tuju sistem pendidikan sesebuah negara (JAPEN Brunei Darussalam, 1994a dan 1994b; Hussin, 2002; dan Mail, 2020).

Corak dasar pendidikan, sudah sepatutnya, sentiasa selaras dengan arus perubahan sosio-ekonomi dan politik, bukan sahaja dalam negara itu sendiri, bahkan selaras dengan perubahan yang berlaku di sekelilingnya dan di luar negara juga turut diambil kira. Lebih-lebih lagi pada era globalisasi, dengan ledakan teknologi maklumat yang semakin canggih, telah menyebabkan dunia kehilangan sempadan, terutama di alam maya. Jika tidak, negara akan

²Lihat pula, contohnya, "BAR: Brunei Annual Report, 1914". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis, ms.5.

tercicir dan tertinggal dari perubahan dan kemajuan dunia, yang sentiasa bergerak tanpa hentinya (Osman, Abdullah & Hakip, 1995; Hussin, 2002:125; dan Mail, 2020).³

Apabila sebuah dasar pendidikan telah digubal, ia akan melibatkan secara langsung pihak pemerintah, agensi kerajaan yang ada peranan dalam bidang pendidikan, tenaga pengajar, pelajar, dan orang awam, khususnya ibu bapa. Selain melibatkan hal-hal dalaman, dasar-dasar pendidikan yang dibentuk juga adakalanya membabitkan kuasa luar negara. Bagi Brunei, yang biasanya terlibat dalam hal ini ialah Malaysia dan British. Keberhasilan dan keberkesanan sesuatu dasar pendidikan itu bergantung kepada sejauhmana pencapaiannya dalam pembinaan ilmu, yang dijana menerusi proses dan perlaksanaannya. Ia memang satu cabaran yang memerlukan dokongan yang padu dari satu sistem untuk memastikan proses pendidikan tersebut berjalan selaras dengan acuan hala-tuju dan matlamat asasnya (Hussin, 2002; Sari & Herawati, 2018; dan Mail, 2020).⁴

Dalam tempoh enam dekad, iaitu dari tahun 1954 hingga 2014, Negara Brunei Darussalam sudah mengadakan sebanyak lima kategori dasar pendidikan. Dasar-dasar itu ialah Dasar Pendidikan 1954, 1962, 1972, Dwi-Bahasa 1984, dan SPN-21 (Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21) pada tahun 2008 (Jumat, 1989; Tengah, 2013; dan Mail, 2015).⁵ Bagaimanapun

³Lihat juga, contohnya, Akhbar *Pelita Brunei*, Bandar Seri Begawan: 5 Oktober 2015.

⁴Lihat pula "Education Policy for Brunei: BA/6469/1983, SUK 240/52". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis.

⁵Lihat juga, contohnya, "Brunei Education Departmental Triennial Report for 1955 to 1957". *Unpublished Government Document*. Bandar Brunei: Education Department; "Penyata Rasmi Majlis Mesyuarat Negeri Brunei: 16 dan 17 April 1962". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis; "Laporan Pelajaran Tahun 1972-1973". *Dokumen Kerajaan Tidak*

– dengan mengguna-pakai kaedah sejarah, pendekatan kualitatif, dan sorotan literatur (Creswell, 1994; Zed, 2008; dan Sjamsuddin, 2014) – kajian ini hanya akan memfokuskan kepada Dasar Pendidikan 1954 dan 1962.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Perkembangan Selepas Perang Dunia Kedua, 1939-1945. Sebelum kewujudan Dasar Pendidikan 1954, pendidikan Brunei dalam berbagai aliran memang mengalami perkembangan yang menggalakkan. Bagaimanapun, apabila tentera Jepun menduduki Brunei, yang bermula pada tahun 1941, prasarana pendidikan di negara ini telah musnah. Setelah tentera Jepun kalah oleh tentera Bersekutu pada bulan Jun 1945, maka Brunei telah diletakkan di bawah pentadbiran tentera British, atau BMA (*British Military Administration*), yang peranan utamanya memulihkan keamanan. Setelah keadaan negara pulih, maka pada 6 Julai 1946, pentadbiran awam di bawah Residen British dikembalikan semula. Pentadbiran ini menghadapi cabaran untuk meneruskan kerja-kerja pemulihan dan mempercepat pembangunan sosio-ekonomi Brunei, termasuklah dalam sektor pendidikan (Jumat, 1989; Bevington, 1955; dan Mail, 2015).

Diterbitkan. Bandar Brunei: Jabatan Pelajaran; Akhbar *Berita Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei*, Bandar Brunei: 28 November 1972; Akhbar *Berita Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei*, Bandar Brunei: 25 September 1973; "BAR: Brunei Annual Report, 1983-1984". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan.* Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis; Akhbar *Pelita Brunei*, Bandar Seri Begawan: 18 April 1984; "Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1985". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan.* Bandar Seri Begawan: Kementerian Pelajaran dan Kesihatan; "Education in Brunei Darussalam, 1992". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan.* Bandar Seri Begawan: Ministry of Education; "Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN-21), 2009". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan.* Bandar Seri Begawan: Kementerian Pendidikan; dan "Adakah SPN-21 Mendukung Visi dan Misi JPI: 3 Januari 2011". Wujud secara online di: <https://ibnuziad.wordpress.com/category/spn21> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 17 Ogos 2019].

Pendudukan Jepun selama lebih tiga tahun, 1942-1945, telah mengakibatkan sebahagian besar infrastruktur, termasuk bangunan-bangunan sekolah, telah rosak. Ia mengalami kemusnahan, sama ada ia terbiar atau terkena bom tentera Bersekutu semasa operasi menyerang tentera Jepun. Brunei tidak menghadapi masalah untuk memulihkan pembangunannya selepas perang, kerana ia mempunyai simpanan kewangan yang banyak di London. Jadi, cabaran dalam hal ini tidak begitu membebankan. Dengan yang demikian, pada akhir tahun 1946, hampir semua sekolah Melayu, China, dan Missi Kristian telah beroperasi semula. Bagaimanapun, Sekolah Arab yang ditubuhkan oleh Sultan Ahmad Tajuddin (1924-1950), sebelum perang tercetus, telah tidak lagi dibuka, kerana guru-gurunya telah meninggalkan Brunei (Bani, 2008; Mail, Damit & Tengah, 2014:44-45; dan Mail *et al.*, 2018).

Meskipun sekolah-sekolah Melayu telah dibuka semula, tetapi ia berhadapan dengan hambatan kehadiran murid-murid, yang masih berkurangan. Antara faktor yang menyumbang berlakunya gejala ini adalah seperti kekurangan pakaian, makanan, dan peralatan sekolah. Bagi mengatasi cabaran makanan, kerajaan memperkenalkan skim permakanan di sekolah-sekolah Melayu, yang dikendalikan oleh Jabatan Kesihatan dengan kerjasama Jabatan Pelajaran. Skim ini bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan taraf kesihatan murid-murid yang telah terjejas, kesan dari pendudukan Jepun, tetapi juga bagi membantu ibu bapa, terutama yang kurang berkemampuan untuk menyediakan wang saku bagi murid-murid membeli makanan mereka semasa di sekolah (Padmore, 1954:55-56; Baki & Chang, 1959:22; dan Mahmud, 2020).

Pada akhir tahun 1947, keramaian pelajar yang memasuki

alam persekolahan telah melebihi jumlah pelajar sebelum perang. Ini menunjukkan satu perkembangan yang baik terhadap sistem pendidikan Brunei. Sungguhpun demikian, masih terdapat sebilangan besar kanak-kanak, terutama di kalangan anak-anak perempuan, yang tidak bersekolah pada ketika itu. Banci penduduk yang dilakukan pada tahun itu menunjukkan kanak-kanak Melayu, termasuk kaum-kaum asli yang berumur dalam lingkungan lima ke-14 tahun, seramai 7,778 orang. Dari jumlah itu cuma 1,892 orang, atau 24% sahaja, termasuk 334 orang pelajar perempuan yang bersekolah di sekolah-sekolah Melayu, yang sudah mencapai jumlahnya 24 buah seluruh negeri (Mail, 2006; Al-Sufri, 2008; dan Mahmud, 2020).⁶

Sikap negatif para ibu bapa terhadap pendidikan formal merupakan salah satu faktor utama yang menyumbang kepada munculnya gejala ini. Ada di antara mereka tidak mahu menghantar anak-anak mereka ke sekolah, kerana diperlukan untuk membantu pekerjaan sebagai nelayan atau petani. Manakala itu, anak-anak perempuan diperlukan untuk membantu kerja-kerja rumah tangga. Malahan, ada di antara mereka dikahwinkan dalam usia muda (Jibah, 1983; Al-Sufri, 2008; dan Mahmud, 2020).⁷

Masalah kehadiran ini juga berlaku di kalangan murid-murid di Kampong Ayer. Bagi mengatasinya, kerajaan telah membina sebuah sekolah di tengah-tengah kampung ini, yang terletak di antara Kampong Lorong Sikuna dengan Kampong Saba

pada tahun 1953. Sekolah pertama di kawasan ini, yang mempunyai 170 murid, dikenali sebagai SMLM (Sekolah Melayu Lela Menchanai), mengambil nama legenda seorang puteri di zaman pemerintahan Sultan Bolkiah, 1485-1524 (Bakar, 2013; Mail, Damit & Tengah, 2014:46-47; dan Mahmud, 2020).

Sekolah ini boleh dikatakan berjasa besar, bukan sahaja memberikan kemudahan dalam menyediakan pendidikan formal, tetapi juga dalam membangkitkan kesedaran di kalangan ibu bapa tentang pentingnya memberikan pendidikan kepada anak-anak di Kampong Ayer. Murid-murid yang berjaya dari sekolah ini, sama ada menjadi guru atau melanjutkan pelajaran ke seberang laut, telah menjadi daya pendorong untuk kanak-kanak lain memasuki alam persekolahan dengan berduyun-duyun (Bakar, 2013; Mail, Damit & Tengah, 2014; dan Arbain, 2019).

Selain itu, kerajaan juga berhadapan dengan hambatan dalam menyediakan pendidikan Inggeris di negara Brunei. Rancangan penghantaran murid-murid Brunei ke sekolah Inggeris Labuan, yang sudah bermula pada tahun 1929, telah dihentikan kerana sekolah ini rosak teruk akibat peperangan. Oleh kerana memikirkan pendidikan ini penting bagi masa depan murid-murid Brunei, bukan sahaja dari segi kerjaya tetapi juga dalam meningkatkan pencapaian pendidikan, maka masyarakat Melayu telah menyuarakan hasrat mereka agar kerajaan menubuhkan sebuah sekolahnya sendiri, tanpa terlalu bergantung kepada sekolah Inggeris swasta (Bani, 2008; Mail, 2015; dan Mahmud, 2020).

Majoriti masyarakat Melayu tidak mahu menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Missi Kristian, yang ditubuhkan sejak tahun 1931. Mereka bimbang bahawa pemikiran anak-anak mereka akan dipengaruhi agama Kristian, kerana

⁶Lihat pula, contohnya, "Training of Teachers at Batu Lintang School: Siaran Sementara, No.22/1948, Ref.No.(6) in ed/75/1948, No.406/1948". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis.

⁷Lihat juga, contohnya, "BAR: Brunei Annual Report, 1947". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis, ms.20; dan "BAR: Brunei Annual Report, 1949". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis, ms.30.

sekolah ini dikendalikan oleh badan agama Kristian. Lagipun, sekolah ini bukan seperti sekolah kerajaan sebagai sekolah percuma. Sekolah ini mengenakan bayaran kepada setiap muridnya. Lantaran itu, hanya segelintir ibu bapa, terutama yang berkemampuan dari segi kewangan dan mempunyai kesedaran pentingnya pendidikan Inggeris, yang bersedia menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Missi Kristian pada ketika itu. Pada tahun 1951, contohnya, dari 863 orang pelajar yang berdaftar di sekolah-sekolah Missi Kristian, seramai 168 orang dalam kalangan anak-anak Melayu (Mail, Damit & Tengah, 2014:48-49; Salman, 2014; dan Mail, 2015).

Meskipun kemasukan anak-anak Melayu ke sekolah-sekolah Missi Kristian dalam kadar yang sedikit, namun senario ini masih menimbulkan rasa phobia dan ragu di kalangan masyarakat Melayu. Kekhuwatiran muncul, kerana pada akhirnya kemasukan anak-anak Melayu ke sekolah ini akan semakin banyak, lantaran sekolah berkenaan hanya satu-satunya yang menyediakan pendidikan Inggeris di Brunei. Lagipun, masyarakat di negara Brunei, termasuk masyarakat Melayu dari masa ke masa, semakin menyedari kepentingan pendidikan Inggeris kepada anak-anak mereka dalam melanjutkan pelajaran dan mendapat pekerjaan yang lebih baik (Salman, 2014; Mail *et al.*, 2018; dan Arbain, 2019).

Bagi mengelakkan perkara ini daripada berlaku, salah seorang pembesar Brunei, Pengiran Digadong Pengiran Anak Haji Mohamad Salleh bin Pengiran Anak Haji Mohammad,⁸ berjawatan Kadi Besar dan juga salah seorang ahli Majlis Mesyuarat Negeri, telah beberapa kali membangkitkan isu kemasukan anak-anak Melayu

ke Sekolah Missi Kristian, semasa majlis bersidang. Beliau tidak hanya menyuarakan rasa bimbang, tetapi menyarankan jalan penyelesaian terhadap isu ini, supaya kerajaan menubuhkan sebuah Sekolah Inggerisnya sendiri. Dengan itu, ianya boleh memberi peluang lebih ramai anak-anak Melayu untuk mengikuti pendidikan Inggeris, tanpa bergantung kepada Sekolah Missi Kristian (Mail, 2015; Rahman, 2016; dan Mail & Suwirta, 2018).⁹

Akhirnya, pandangan ini diterima oleh pihak kerajaan, apabila sebuah Sekolah Inggeris Kerajaan ditubuhkan di Bandar Brunei pada bulan Oktober 1951. Sekolah ini dinamakan sebagai MSOAS (Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien), sempena nama Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, 1950-1967. Nama baginda wajar diabdikan kepada Sekolah Inggeris Kerajaan yang pertama, kerana baginda memainkan peranan ke arah penubuhan sekolah berkenaan. Pengambilan pertama murid sekolah ini terdiri daripada enam orang lelaki dan tiga orang perempuan, yang terpilih dari Sekolah Melayu Bandar Brunei (Al-Sufri, 2008; Mail, Damit & Tengah, 2014; dan Ghofur, 2015).

Pada tahun 1952, sebuah lagi Sekolah Inggeris Kerajaan dibuka di Seria, daerah Belait, dengan keramaian 17 orang murid lelaki dan 7 orang perempuan. Sekolah yang kemudiannya dikenali sebagai Maktab Anthony Abell¹⁰. Dengan adanya sekolah ini di daerah Belait memberikan peluang lebih ramai kepada anak-anak di daerah itu untuk mengikuti pendidikan Inggeris (Mail,

⁹Lihat pula, contohnya, "Minutes of the State Council Meetings: 6 July 1946, 6 December 1946, 5 February 1947, dan 6 March 1947". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis.

¹⁰Anthony Abell menjadi Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei dari 1950 hingga 1959. Lihat pula, contohnya, "BAR: Brunei Annual Report, 1951". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis.

2006; Mail, Damit & Tengah, 2014:49-50; dan Abduh, 2019).

Dalam pada itu, sekolah-sekolah Inggeris swasta yang ditubuhkan oleh Syarikat Petroleum Malaya British, atau BMPC (*British Malayan Petroleum Company*), dan Missi Roman Katholik serta sekolah China, juga berkembang pesat selepas perang. Sekolah Inggeris Kuala Belait, milik BMPC sebelum perang, telah diambil-alih oleh Missi Roman Katholik kerana masalah mendapatkan guru. Ini telah menjadikan tiga buah sekolah Inggeris swasta seluruh negeri di bawah pengendalian Badan Kristian, iaitu masing-masing sebuah di Bandar Brunei, Seria, dan Kuala Belait. BMPC pula mendirikan sebuah sekolah khusus untuk mengajar anak-anak pegawainya dari Eropah, yang dikenali sebagai *Senior Staff School*, di Seria (Mail, Damit & Tengah, 2014:50-51; Mail, 2015; dan Bakar, 2018).

Semua sekolah swasta milik Roman Katholik didaftarkan di bawah Undang-undang Pendaftaran Sekolah 1939, dan menerima sedikit bantuan kewangan dalam bentuk *grants-in-aid* daripada pihak kerajaan. Bagi dua buah sekolah Missi Kristian yang terletak di Kuala Belait dan Seria, juga menerima bantuan kewangan daripada BMPC, kerana sebilangan besar anak-anak kakitangan syarikat ini, khusus kakitangan yang berasal dari kawasan Asia, menuntut di sekolah-sekolah berkenaan (Bani, 2008; Besar, 2008; dan Mail, 2015).¹¹

Pada tahun 1948, terdapat seramai 471 orang murid, termasuk 165 orang perempuan di ketiga-tiga buah sekolah Missi Roman Katholik itu. Sekolah ini terus mendapat sambutan, seiring dengan perkembangan industri dan pembangunan Brunei yang mengimpot ramai kakitangan British dan Barat, baik dalam sektor swasta mahupun sektor kerajaan. Hal ini jelas menjelang

¹¹Lihat semula "BAR: Brunei Annual Report, 1949". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis, ms.33.

tahun 1951, keramaian telah bertambah kepada 863 orang, iaitu 556 orang lelaki dan 287 orang perempuan (Besar, 2008; Mail, Damit & Tengah, 2014:50-51; dan Mail, 2015).

Manakala itu sebelum Perang Dunia Kedua berlaku, terdapat lima buah Sekolah China di Brunei. Pada tahun 1947, masyarakat China di Labi membuka semula Sekolah China yang telah didirikan pada tahun 1926, tetapi telah ditutup dua tahun kemudian, kerana ketiadaan pelajar. Ini diikuti dengan pembinaan sebuah Sekolah China di Bangar, Temburong, pada tahun 1950, dan sebuah lagi di Kiudang pada tahun 1952. Ini bermakna bahawa sehingga tahun ini sudah terdapat tujuh buah Sekolah China, kesemuanya di seluruh negeri dengan keramaian muridnya 1,530 orang, termasuk 598 orang perempuan (Bani, 2008; Mail, Damit & Tengah, 2014:51-52; dan Abduh, 2019).

Sejak tahun 1939, semua Sekolah China diwajibkan untuk didaftarkan di bawah Undang-Undang Khas, sama seperti Sekolah Missi Kristian. Bagaimanapun, pada tahun 1957, satu undang-undang baharu mengawal sekolah-sekolah swasta, termasuk Sekolah China, telah digubal dan dilaksanakan. Kemunculan undang-undang baharu ini ada kemungkinan mempunyai hubungan dengan langkah kerajaan yang cuba menyekat perkembangan pengaruh dan kegiatan Komunis di Asia Tenggara, yang dipelopori oleh Republik Rakyat China. Perkembangan ini membimbangkan kerajaan, kerana ditakuti pengaruh Komunis akan menyusup masuk melalui Sekolah China (Bevington, 1958; Salman, 2014; dan Mail, 2015).¹²

¹²Lihat juga, contohnya, "BAR: Brunei Annual Report, 1951". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis; "BAR: Brunei Annual Report, 1953". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis; dan "BAR: Brunei Annual Report, 1954". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis.

Pengaruh Komunis mudah diterima oleh masyarakat China, seperti mana berlaku di Semenanjung Tanah Melayu. Tetapi bagi masyarakat China di Brunei, mereka menafikan Sekolah China sebagai wadah menyebarkan pengaruh Komunis. Namun kerajaan masih merasa ragu dengan penafian ini. Hal ini jelas apabila kerajaan bersetuju menambah bantuan kepada Sekolah China, namun dalam masa yang sama memperketatkan beberapa peraturan yang mesti dipatuhi. Menurut undang-undang ini, kerajaan bersedia membantu sekolah hingga 50% bagi membiayai gaji guru dan pentadbiran. Manakala itu, 50% lagi untuk dana pembangunan. Bagaimanapun, sebagai imbalan dari bantuan ini, semua Sekolah China dikehendaki mematuhi undang-undang yang telah diluluskan oleh kerajaan (Al-Sufri, 2008; Mail *et al.*, 2018; dan Yahzunka, Siswoyo & Ali, 2018).

Di antaranya, mereka mesti menyerahkan senarai nama-nama ahli lembaga pengurus dan guru-guru sekolah kepada pihak kerajaan. Selain itu, pihak kerajaan mempunyai hak untuk melantik 50% dari ahli lembaga pengurus sekolah ini. Bagi memastikan undang-undang dipatuhi, seorang Nazir Khas dilantik bagi menjalankan tugas pemantauan dan pemeriksaan ke atas sekolah-sekolah China. Bagaimanapun, mulai pada 1 Januari 1970, semua bantuan kerajaan kepada Sekolah China telah ditiadakan, kerana sekolah-sekolah berkenaan sudah dianggap mempunyai keupayaan dari segi kewangan (Bani, 2008; Mail, Damit & Tengah, 2014:51-52; dan Abduh, 2019).

Kemunculan Dasar-dasar Pendidikan. Sungguhpun dasar pendidikan, sebelum tahun 1954, tidak pernah dikeluarkan secara rasmi dan jelas oleh pihak kerajaan, ia masih boleh dikesan menerusi perlaksanaan pada ketika itu. Dalam makna yang lain, sebenarnya sudah ada dasar

pendidikan, tetapi pihak kerajaan di bawah pentadbiran Residen British tidak mahu menyatakan secara rasmi pada ketika itu. Perkara ini tidak perlu diwar-warkan, lantaran pentadbiran Residen mempunyai agenda tersorok. Mereka tidak mahu kelemahan-kelemahan yang ada pada sistem pendidikan Brunei itu, khususnya Sekolah Melayu, akan terdedah dan mendatangkan bantahan daripada kalangan masyarakat Brunei, terutama di kalangan golongan elite Melayu (Mail, 2006:27-28 dan 2020; Abduh, 2019; dan Mahmud, 2020).

Kelemahan pada sistem pendidikan pada masa itu begitu menonjol ke atas pendidikan Sekolah Melayu, yang hanya bertujuan bagi anak-anak Melayu Brunei setakat pandai membaca dan menulis dalam huruf Rumi. Tidak ada yang diajarkan kepada kanak-kanak Melayu, melainkan untuk mewarisi pekerjaan ibu bapa mereka, sama ada sebagai nelayan mahupun petani. Matlamat pendidikan seperti ini sama seperti yang dilakukan lebih awal di Tanah Melayu. Oleh itu, darjah paling tinggi bagi Sekolah Melayu hanyalah Darjah 6. Bagaimanapun, oleh kerana kekurangan tenaga pengajar, kebanyakan sekolah cuma mampu mengadakan setakat Darjah 5, sebagai kelas tertinggi. Oleh itu, lulusan dari Sekolah Melayu hanya sesuai untuk menyandang jawatan-jawatan rendah, seperti guru, kerani, dan budak pejabat. Mungkin juga boleh menjadi petani atau nelayan yang celik huruf Rumi (Mail, 2006; Al-Sufri, 2008; dan Mahmud, 2020).

Dari matlamat ini jelas, ianya suatu sistem pendidikan yang menyekat peluang generasi muda Brunei untuk melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat IPT (Institusi Pengajian Tinggi). Lantaran itu, masa depan mereka untuk mendapatkan berbagai bidang ilmu dan kepakaran, bagi sama-sama menyumbangkan tenaga dalam pembangunan Brunei, ternyata

pudar (Jumat, 1989; Mail, 2006; dan Ahmad, 2019).

Residen British, selaku pentadbir pada ketika itu, sedar bahawa jika generasi muda Brunei didedahkan dengan pendidikan tinggi, mereka ini bakal menjadi tenaga penggerak kepada perubahan pemikiran masyarakatnya. Pada akhirnya akan wujud kebangkitan dan gerakan penentangan kepada pentadbiran British di Brunei. Hal ini telah menjadi iktibar, kerana penentangan yang berlaku di tanah-tanah jajahan British dipelopori oleh golongan intelek. Kebangkitan seperti ini, sudah tentu, menggugat kepentingan British di Brunei (Bakar, 1986; Sum, 1993; dan Ahmad, 2019).

Pertama, *Dasar Pendidikan 1954*. Brunei boleh dikatakan telah memiliki dasar pendidikan secara rasmi, apabila Jabatan Pelajaran mengeluarkan dasar berkenaan pada tahun 1954. Kewujudan dasar ini ekoran dari pemerintahan Sultan Omar 'Ali Saifuddein Sa'adul Khairi Waddien, yang melancarkan Rancangan Kemajuan Lima Tahun I, pada tahun 1953-1958 (Saunders, 2002; Yew, 2009; Mail, 2015).¹³ Oleh yang demikian, salah satu komponen penting dalam rancangan ini ialah bidang pendidikan. Perancangan untuk memajukan lapangan pendidikan pada masa itu amat diperlukan, memandangkan Brunei masih kekurangan golongan terpelajar dan profesional dalam berbagai bidang. Tenaga mereka benar-benar diperlukan bagi menyumbang ke arah pembangunan negara (Jumat, 1989; Al-Sufri, 2008; dan Mail, 2015).¹⁴

¹³Rancangan kemajuan ini diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri pada bulan Julai 1953, dengan peruntukan kewangan sebanyak \$100 juta. Matlamat utama rancangan ini untuk meningkatkan taraf ekonomi dan sosial, sesuai dengan perubahan taraf hidup yang dialami oleh rakyat Brunei.

¹⁴Lihat juga "Brunei Education Departmental Triennial Report for 1955 to 1957". *Unpublished Government Document*. Bandar Brunei: Education Department; dan Akhbar *Borneo Bulletin*, Bandar Brunei: 15 Mac 1958.

Ekoran dari kekurangan inilah juga menjadi alasan kuat kepada Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien untuk menolak Brunei mencapai kemerdekaan lebih awal dari British, meskipun mendapat desakan kuat dari rakyat pada ketika itu. Pandangan baginda juga dikongsi sama oleh sebahagian rakyat Brunei, sehingga dikatakan bagaimana hendak "merdeka", bila alif bongkok pun tidak tahu. Apabila disebut "merdeka", mereka menyeluru dengan "mentega". Selain itu, terdapat tuntutan dari orang ramai supaya Brunei mewujudkan satu sistem pendidikan yang baharu dan teratur. Masyarakat Brunei pada masa itu boleh dikatakan sudah menyedari betapa perlunya memberikan pendidikan formal kepada generasi muda. Kesedaran ini begitu menyerlah selepas Perang Dunia II tamat pada tahun 1945 (Sum, 1993; Mail, 2006:28-29; dan Al-Sufri, 2010).

Oleh itulah Jabatan Pelajaran, sebagai sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab menangani hal ehwal pendidikan Brunei, telah mengeluarkan dan menjelaskan bentuk dan sistem pendidikan yang diamalkan sejak tahun 1914 di negara ini. Penjelasan ini boleh dianggap sebagai dasar pendidikan rasmi yang dikeluarkan oleh kerajaan. Dasar Pendidikan 1954 menyatakan bahawa kerajaan menyediakan pendidikan percuma kepada semua anak-anak Melayu, bermula dari umur enam tahun. Mereka boleh belajar, sama ada di Sekolah Melayu, Inggeris, atau Vokasional. Di Sekolah Melayu, mereka boleh meneruskan pelajaran sehingga Darjah 6. Mana-mana murid dari sekolah ini berhajat memasuki Sekolah Inggeris Kerajaan, mereka diwajibkan menduduki peperiksaan khas calon ke sekolah tersebut. Apabila mereka berjaya memasuki Sekolah Inggeris Kerajaan, mereka akan belajar sehingga Tingkatan 3. Mana-mana pelajar yang mempunyai prestasi baik dalam pelajaran di sekolah ini

akan berpeluang untuk melanjutkan pelajaran hingga ke IPT (Institusi Pengajian Tinggi) di luar negeri (Padmore, 1954:3; Jumat, 1989; dan Mail, 2015).

Sementara itu, anak-anak Brunei yang berminat dalam lapangan pendidikan teknikal dan vokasional akan dihantar belajar ke Sekolah Pertukangan Syarikat Minyak Shell di Seria. Pada masa itu, kerajaan belum menubuhkan sekolah seperti ini. Bagaimanapun, dalam pendidikan ini cabarannya anak-anak Brunei kurang berjaya dalam pendidikan vokasional, kerana ia dijalankan dalam Bahasa Inggeris. Dasar Pendidikan 1954 ini juga menyediakan kelas-kelas membanteras buta huruf bagi orang-orang dewasa (Jumat, 1989; Mail, 2006 dan 2017; dan Ghofur, 2015).

Sekolah Missi Kristian dan China pula bergerak secara bersendirian dan mendapat bantuan kewangan dari pihak kerajaan. Apa yang jelasnya, dasar pendidikan 1954 ini hampir sama dengan apa yang telah berlaku di Tanah Melayu, yang mengamalkan sistem berbagai aliran dalam pendidikannya (Padmore, 1954:3; Jumat, 1989; dan Besar, 2008).

Dasar Pendidikan 1954 ini tidak hanya mendapat perhatian daripada orang ramai dan sasaran kritikan daripada parti-parti politik, malahan ia menjadi isu hangat dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat Negeri. Pada tahun 1962, contohnya, salah seorang ahli majlis yang mewakili pihak pembangkang mengusulkan supaya kerajaan merangka dan membentuk satu Dasar Pendidikan Kebangsaan, yang tidak dipengaruhi oleh unsur-unsur asing. Syor ini telah mendapat bantahan daripada wakil kerajaan, kerana menganggap Brunei telah pun mempunyai dasar pendidikan tersendiri. Jika dasar ini dirombak, ia akan menambah beban kerajaan. Pegawai Pelajaran yang diwakili oleh seorang pegawai British, dalam

hujahnya, menyanggah syor tersebut dengan mengatakan bahawa sistem pendidikan Brunei sudah mencapai kemajuan, kerana sekolah telah banyak didirikan. Pelajar juga semakin ramai yang dihantar keluar negeri untuk melanjutkan pelajaran (Jumat, 1989; Mail, 2006; dan Mail & Suwirta, 2018).

Penjelasan ini tidak dinafikan, namun gambaran banyak sekolah sudah didirikan dan sudah ramai anak-anak Brunei menjejakkan kaki ke alam persekolahan memang mencerminkan sebahagian dari kemajuan sesuatu sistem pendidikan. Bagaimanapun, tanda aras kemajuan juga perlu diukur melalui sudah berapa ramai anak-anak Brunei yang memiliki pendidikan tinggi atau yang telah melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat universiti. Walhal pada masa itu, taraf pendidikan Sekolah Melayu masih terbatas di peringkat pendidikan rendah. Akhirnya, resolusi ini ditolak kerana tidak mendapat undi majoriti dalam majlis (Jumat, 1989; Mail, 2006; dan Mahmud, 2020).¹⁵

Ironinya, pada tahun 1962 ini juga, kerajaan sebenarnya telah merancang untuk mengwujudkan satu Dasar Pendidikan Kebangsaan yang baharu. Ini menunjukkan pemikiran dari ahli parti pembangkang mendapat perhatian dari kerajaan. Dasar pendidikan yang baharu perlu dibentuk, kerana kerajaan bimbang terhadap pengaruh PRB (Parti Rakyat Brunei), yang telah meresapi sebahagian rakyat Brunei ketika itu. Pendidikan telah menjadi isu politik dan agenda perjuangan PRB untuk meraih sokongan orang ramai. Sudah menjadi kelaziman, salah satu ciri gerakan nasionalisme adalah selain mendapatkan kemerdekaan dari tangan penjajah, akan diikuti pula usaha untuk menghidupkan kembali warisan budaya tempatan sebagai

¹⁵Lihat pula, contohnya, "Penyata Rasmi Majlis Mesyuarat Negeri Brunei, 1962"; dan Akhbar *Pelita Brunei*, Bandar Brunei: 1962.

tunjang perjuangan, di antaranya ialah memertabatkan bahasa kebangsaan (Ramanathan, 1985:1; Hussin, 2002:134; Prasetyo, 2011; dan Rahman, 2016).

Bagaimanapun, sesetengah negara setelah merdeka, bahasa kebangsaan tercicir begitu sahaja dalam arus pembangunan negara. Ia tidak lagi menjadi bahasa utama; sebaliknya, bahasa lain diutamakan. Ternyata, bahasa kebangsaan telah menjadi umpan alir dalam meraih sokongan rakyat ketika perjuangan mendapatkan kemerdekaan. Jadi, untuk membendung pengaruh PRB ini, kerajaan memikirkan perlunya dibentuk satu Dasar Pendidikan Kebangsaan yang baharu bagi memenuhi kehendak rakyat. Selain itu, perjuangan menobatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, dari menjadi bahasa terpinggir, sedang hangat dilakukan di Tanah Melayu pada masa itu. Bahang perjuangan ini telah mempengaruhi masyarakat Brunei, terutama di kalangan guru-guru Melayu, untuk sama-sama meningkatkan kedudukan bahasa berkenaan (Ramanathan, 1985:36-40; Sum, 1993; dan Mail *et al.*, 2018).

Kedua, *Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang*. Kerajaan Brunei telah mengundang dua pakar pendidikan dari Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1959, iaitu Aminuddin Baki dan Paul Chang. Mereka ditugaskan untuk mengkaji pelaksanaan sistem pendidikan Brunei. Hasil kajian ini dikenali sebagai "Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang, 1959". Salah satu cadangan laporan ini supaya kanak-kanak daripada semua bangsa disatukan di bawah satu Sistem Pendidikan Kebangsaan, dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Sistem ini dijangka boleh menjadi wadah perpaduan kepada semua lapisan rakyat, yang terdiri dari berbilang kaum, keturunan, dan agama. Bibit-

bibit perpaduan sudah sewajarnya disemai sejak kecil lagi. Tempat yang sesuai menyemainya ialah sekolah, kerana di sini bercampuran dan pergaulan di kalangan kaum berlaku. Isu ini dicadangkan, kerana kedua-dua penyelidik mendapati bahawa sistem pendidikan Brunei pada masa itu dilaksanakan dalam aliran bahasa yang berlainan (Baki & Chang, 1959:12-13; Jadi, 1990; dan Mail *et al.*, 2018).

Laporan ini juga mengemukakan pandangan agar sistem pendidikan Brunei mengarah ke arah mengeluarkan tenaga manusia Brunei berpendidikan tinggi dan berkemahiran. Ia amat diperlukan dalam berbagai bidang, seperti pentadbiran, perdagangan, perindustrian, dan sebagainya. Hal ini disarankan, kerana mereka mendapati sistem pendidikan yang ada berciri menekan dan terapong-apong tanpa ada hala tuju yang jelas. Ia tidak menjurus kepada melahirkan generasi muda Brunei yang bakal memiliki kepakaran dalam berbagai bidang. Sedangkan perkara ini dikehendaki oleh setiap negara membangun, seperti Brunei (Baki & Chang, 1959:12-13; Jumat, 1989; dan Mail, 2017).

Ketiga, *Dasar Pendidikan Negara 1962*. Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang, pada tahun 1959, kemudiannya telah dinilai dan dibincangkan oleh Jawatankuasa Mengkaji Pelajaran Brunei. Akhirnya, jawatankuasa ini berjaya mengeluarkan satu dasar pendidikan baharu yang dikenali sebagai Dasar Pendidikan Negara pada 31 Oktober 1962. Oleh kerana kandungan dasar baharu ini diserap dari Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang, maka matlamat utama pendidikan dalam dasar baharu ini sama dengan tujuan yang dikemukakan dalam laporan tersebut (Baki & Chang, 1959; Jumat, 1989; dan Mail *et al.*, 2019).¹⁶

¹⁶Lihat juga, contohnya, Akhbar *Suara Bakti*, Bandar Brunei: 3 November 1961; Akhbar *Suara*

Dasar Pendidikan Negara 1962, atau Dasar Pendidikan 1962, boleh dikatakan merupakan dasar pelajaran pertama bagi Brunei yang paling jelas kandungan dan matlamatnya, berbanding dengan Dasar Pendidikan 1954. Di antara perkara baharu dalam dasar ini ialah menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah Brunei. Ia juga mahu menyatukan sekolah-sekolah yang berlainan aliran, bukan sahaja menjadi satu aliran, malahan menyatukan sistem pendidikan dan kurikulumnya. Dasar ini juga mahu agar peluang mengikuti pendidikan formal diberikan kepada semua lapisan rakyat Brunei, tanpa menghadkan hanya satu kaum, seperti mana Dasar Pendidikan 1954, yang cuma membataskan kepada anak-anak Melayu. Dasar Pendidikan 1962 ini juga mencadangkan supaya pendidikan menjadi wadah memupuk nilai-nilai jati diri generasi muda, yang taat kepada Sultan dan Negara (Jumat, 1989; Mail, 2006:35; dan Mail *et al.*, 2018).¹⁷

Meskipun Dasar Pendidikan 1962 mempunyai buah fikiran yang bernas, namun sebahagian kandungannya menghadapi cabaran untuk direalisasikan kedalam sistem pendidikan Brunei pada ketika itu. Salah satu sebab kegagalan dasar ini ialah berlakunya Revolusi 1962, yang dicetuskan oleh PRB (Parti Rakyat Brunei) pada 8 Disember 1962. Apabila pemberontakan berlaku, kekacauan tidak dapat dielakkan. Sementara itu, ada sekolah telah digunakan oleh pasukan tentera sebagai markas dan pusat tahanan

kepada para pemberontak, yang ditangkap atau menyerahkan diri. Implikasinya, operasi pendidikan di Brunei terancat, sepertimana yang berlaku di era pendudukan tentera Jepun, 1942-1945. Sementara itu, jentera pentadbiran kerajaan pula perlu memfokus perhatian kepada memulihkan keamanan (Jumat, 1989; Saunders, 2002; dan Mail *et al.*, 2018).

Peranan Malaysia kepada cabaran pelaksanaan Dasar Pendidikan Negara 1962 juga tidak boleh dinafikan. Ia mempunyai hubungan dengan tindakan Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, yang mengutarakan cadangan kepada kerajaan Sarawak, Brunei, dan Sabah pada bulan Mei 1961 untuk bergabung di bawah gagasan Persekutuan Malaysia (Jumat, 1989; Hussin, 1993; dan Mail, 2011).

Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien meneliti dengan berhati-hati cadangan ini, biarpun baginda mengatakan bahawa pada dasarnya Brunei bersetuju untuk menyertai Malaysia, jika dasar persekutuan itu bersesuaian dengan kehendak Brunei dan boleh mendatangkan faedah. Baginda begitu berhati-hati dan mengamalkan dasar "tunggu dan lihat" dalam membuat keputusan mengenai perkara ini. Perambahan orang Brunei, ia perlu dimalamkan dulu, kerana ia membabitkan masa depan negara (Bakar, 1981:117; Jumat, 1989; dan Al-Sufri, 2010).¹⁸

Pemimpin Sarawak dan Sabah bersetuju untuk menyertai gagasan Malaysia, tetapi akhirnya Brunei menolaknya pada 9 Julai 1963. Berbagai teori telah dikemukakan oleh para pengkaji sejarah, mengapa Brunei menolak tawaran tersebut? Ada yang mengatakan bahawa jawatan Yang Dipertuan Agung tidak ditawarkan kepada Sultan Omar 'Ali Saifuddien

Bakti, Bandar Brunei: 24 November 1961; dan "Laporan Suruhanjaya Pelajaran Brunei, 1972". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Setiausaha Kerajaan, ms. 1.

¹⁷Lihat pula, contohnya, "Sistem Pelajaran Kita Harus Segara Dirubah" dalam *Majalah Suara Guru*, Bilangan 3 [Februari 1962], diterbitkan oleh Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei; dan "Penyata Rasmi Majlis Mesyuarat Negeri Brunei: 16 dan 17 April 1962". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis.

¹⁸Lihat pula, contohnya, *Akhbar Pelita Brunei*, Bandar Brunei: 6 Disember 1961; dan *Akhbar Pelita Brunei*, Bandar Brunei: 18 April 1962.

Sa'adul Khairi Waddien. Oleh itu, baginda berkecil hati atau menyomal. Ada pula yang berpendapat bahawa Malaysia terlalu tinggi meminta bayaran tahunan kepada Brunei, iaitu sebanyak \$60 juta setahun untuk diberikan kepada kerajaan pusat. Minyak Brunei juga akan menjadi milik kerajaan pusat, setelah sepuluh tahun bergabung dalam Persekutuan Malaysia. Tidak kurang pula mengatakan adanya pengaruh British (*cf* Leake, 1990; Singh, 1991; dan Al-Sufri, 2010).

Apabila Brunei menolak untuk menyertai Malaysia, ia membangkitkan kemarahan daripada Tunku Abdul Rahman, lantas bertindak menarik balik pegawai-pegawai dan guru-guru Malaysia yang dipinjamkan untuk berkhidmat di Brunei. Kesan dari penarikan ini, pentadbiran awam Brunei menghadapi cabaran untuk diselesaikan (Bakar, 1981:117; Sum, 1993; Al-Sufri, 2008; Mail, 2011; dan JPA Brunei Darussalam, 2013).

Pada mengatasi cabaran pentadbiran awam Brunei, Sultan meminjam pegawai-pegawai British untuk mengambil-alih jawatan pegawai-pegawai Malaysia yang telah dikosongkan. Kepupusan pegawai-pegawai dan guru-guru dari Malaysia ini menyebabkan Brunei bukan sahaja berhadapan dengan hambatan pentadbiran awam, tetapi juga mengalami kesulitan untuk melaksanakan Dasar Pendidikan Negara 1962. Pada saat itu, bantuan Malaysia sangat perlukan bagi merealisasikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah di negeri Brunei. Kedudukan bahasa ini semakin rumit apabila pegawai-pegawai British yang berkhidmat di Brunei semakin ramai. Maknanya, penggunaan Bahasa Inggeris semakin dominan. Dalam melaksanakan perkara ini juga, Brunei tidak hanya memerlukan tenaga pengajar, bahkan sistem peperiksaan, kurikulum, dan buku-buku teks juga memerlukan

kerjasama erat dari Malaysia (Saad, 1986; Jumat, 1989; Al-Sufri, 2008; Mail, 2011; dan Mail *et al.*, 2018).

Sementara itu, Brunei tidak mahu mengikut sistem pendidikan Indonesia, kerana masalah bahasa dan istilah yang jauh berbeza dengan negara ini. Tambahan pula, pada ketika itu kerajaan Brunei masih merasa terkilan dengan sikap Indonesia, yang terang-terangan mengulurkan sokongan kepada PRB (Parti Rakyat Brunei) dalam mencetuskan revolusi. Brunei juga merasa kurang senang dengan negara Indonesia, apabila Syeikh Azahari, Pengerusi PRB, diberikan perlindungan. Jadi, pada masa itu, hubungan Brunei dengan Indonesia berada dalam keadaan kurang kondusif. Oleh itulah, pelaksanaan Dasar Pendidikan Negara 1962 mengalami cabaran, terutama bagi menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar (Jumat, 1989; Leake, 1990; dan Mail *et al.*, 2018).¹⁹

KESIMPULAN

Pendidikan dan dasar-dasar pendidikan dalam tempoh kajian, dari tahun 1914 hingga 1962, telah berlaku transformasi yang melihatkan detik-detik kemajuan, di samping berlakunya berbagai hambatan. Masyarakat Brunei, khususnya yang beragama Islam, memang mempunyai sistem pendidikan Islam mereka sendiri, sebelum kemunculan sistem pendidikan formal dengan tertubuhnya Sekolah Melayu pada tahun 1914.

Pendidikan Islam telah berlaku di rumah-rumah persendirian, balai, surau, masjid, dan istana. Ia dilakukan oleh para ulama dan orang-orang yang berkemahiran dalam bidang agama. Bagaimanapun, dalam peringkat ini, kaum wanita tidak berpeluang untuk sama-sama menguasai pendidikan Islam, kerana tidak dibenarkan untuk bergaul dengan kaum lelaki.

¹⁹Lihat pula "Laporan Pelajaran Tiga Tahun, 1964-1966 (1967)". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Bandar Brunei: Jabatan Pelajaran.

Apabila Sekolah Melayu ditubuhkan pada tahun 1914, sambutan ibu bapa kurang menggalakan, kerana mereka memerlukan anak-anak mereka untuk sama-sama membantu menyara keluarga. Kesedaran terhadap pentingnya pelajaran kepada anak-anak semakin menyerlah pada tahun-tahun 1950-an, apabila didapati semakin ramai pelajar hadir ke sekolah. Ia tidak hanya dilakukan oleh pelajar lelaki, tetapi juga kaum wanita. Sekolah-sekolah lain seperti Sekolah Inggeris dan China juga mengalami perkembangan yang menggalakan.

Ekoran dari perkembangan ini, maka pendidikan di Brunei memerlukan dasar pendidikan untuk menentukan hala-tujunya dalam melahirkan generasi muda yang berkemahiran dan berkebolehan untuk sama-sama membangun negara. Oleh itu, wujudlah Dasar Pendidikan 1954 dan 1962. Bagaimanapun, Dasar Pendidikan 1962 gagal dilaksanakan, terutama menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah Brunei. Dengan yang demikian, Dasar Pendidikan 1954 pun, yang mana berbagai aliran masih berlaku, dianggap tidak mampu menyemai nilai-nilai perpaduan masyarakat Brunei, sejak di bangku sekolah lagi.²⁰

Referensi

Abduh, Hasbi. (2019). "Perbandingan Pendidikan di Negara Brunei Darussalam dan Negara Kesatuan Republik Indonesia".

²⁰**Kenyataan:** Saya, yang bertanda tangan di bawah ini, membuat kenyataan sebenar bahawa artikel ini adalah dapatan penyelidikan dan karya akademik saya secara persendirian. Ianya bukan hasil plagiat, memandangkan mana-mana sumber yang saya petik dan rujuk, jelas dan penuh tersenarai dalam Bibliografi atau Referensi. Artikel ini juga belum pernah saya hantar untuk diwasit dan diterbitkan sama ada kepada jurnal-jurnal akademik di Brunei Darussalam mahupun di luar negara. Saya bersedia diberi sanksi akademik, sekiranya mana-mana yang saya nyatakan ini tidak selari dengan peraturan akademik yang sedia ada, atau bercanggah dengan kenyataan yang telah saya buat.

Kertas Kerja Tidak Diterbitkan. Indonesia: STAI [Sekolah Tinggi Agama Islam] Tuanku Tambusai, Pasir Pengaraian. Wujud secara online pula di: <https://core.ac.uk/download/pdf/291324086.pdf> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 17 Mac 2020].

"Adakah SPN-21 Mendukung Visi dan Misi JPI: 3 Januari 2011". Wujud secara online di: <https://ibnuziad.wordpress.com/category/spn21> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 17 Ogos 2019].

Ahmad, Razali bin Haji. (2019). "Pentadbiran Residen Inggeris di Brunei, 1906-1959: Dasar Pendidikan dan Kesannya terhadap Perkembangan Pendidikan di Brunei sehingga 1953". *Kertas Kerja Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: FASS UBD [Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam].

Akhbar *Berita Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei*, Bandar Brunei: 28 November 1972.

Akhbar *Berita Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei*, Bandar Brunei: 25 September 1973.

Akhbar *Borneo Bulletin*, Bandar Brunei: 15 Mac 1958.

Akhbar *Pelita Brunei*, Bandar Brunei: 6 Disember 1961.

Akhbar *Pelita Brunei*, Bandar Brunei: 18 April 1962.

Akhbar *Pelita Brunei*, Bandar Seri Begawan: 18 April 1984.

Akhbar *Pelita Brunei*, Bandar Seri Begawan: 5 Oktober 2015.

Akhbar *Suara Bakti*, Bandar Brunei: 3 November 1961.

Akhbar *Suara Bakti*, Bandar Brunei: 24 November 1961.

Al-Sufri, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Haji Awang Mohd Jamil. (2008). *Satu Pemikiran mengenai Corak Pendidikan untuk Brunei Darussalam Berasaskan Islam: Melalui Pengalaman dan Sejarah*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei. Wujud secara online pula di: https://www.krafiti.com/Satu-Pemikiran-Mengenai-Corak-Pendidikan-Untuk-Brunei-Darussalam-Berasaskan-Islam-Melalui-Pengalaman-dan-Sejarah_p_245.html [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 21hb April 2019].

Al-Sufri, Pehin Jamil. (2010). *The Biography of Sultan Omar Ali Saifuddien III*. Bandar Seri Begawan: Brunei Historical Centre.

Arbain, Muhammad. (2019). "Dinamika Perkembangan Pendidikan Islam di Asia Tenggara" dalam *Borneo International Journal of Islamic Studies*, Volume 2(1), November, ms.282-310.

Bakar, Mohamad Abu. (1981). "Politik Brunei Menjelang Penubuhan Malaysia" dalam *Malaysia dari Segi Sejarah: Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*, No.10.

- Bakar, Mohamad Abu. (1986). "Perspektif Islam Semasa: Suatu Tinjauan Kritis" dalam *Islam dan Pembangunan Negara*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Bakar, Haji Tassim bin Haji Abu. (2013). "Pendidikan dari Balai di Kampong Ayer ke Sekolah Moden di Darat, 1906-1941: Kajian Sejarah Pendidikan di Negara Brunei Darussalam" dalam *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 1(2), September, ms.113-124.
- Bakar, Nani Suryani Abu. (2018). "Dasar Britain terhadap Brunei Selepas Penolakan Brunei dari Menyertai Malaysia pada Tahun 1963". Wujud secara online di: https://www.researchgate.net/publication/325256421_Dasar_Britain_terhadap_Brunei [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 10hb Ogos 2019].
- Baki, Aminuddin & Paul Chang. (1959). "Laporan Penyata Pelajaran Negeri Brunei: 21 September 1959". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Wujud dan disimpan oleh Pusat Sejarah Brunei.
- Bani, Suddin. (2008). "Perkembangan Pendidikan Islam di Brunei Darussalam" dalam *Lentera Pendidikan*, Vol.11, No.2 [Desember], ms.270-283.
- "BAR: Brunei Annual Report, 1914". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis.
- "BAR: Brunei Annual Report, 1928". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis.
- "BAR: Brunei Annual Report, 1929". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis.
- "BAR: Brunei Annual Report, 1947". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis.
- "BAR: Brunei Annual Report, 1949". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis.
- "BAR: Brunei Annual Report, 1951". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis.
- "BAR: Brunei Annual Report, 1953". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis.
- "BAR: Brunei Annual Report, 1954". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis.
- "BAR: Brunei Annual Report, 1983-1984". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis.
- Besar, Haji Mail bin. (2008). "Gerakan Kristianisasi di Kalangan Masyarakat Islam: Kajian di Negara Brunei Darussalam". *Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam UM [Universiti Malaya]. Wujud secara online pula di: [http://studentsrepo.um.edu.my/5298/1/GERAKAN_KRISTIANISASI_DI_KALANGAN_MASYARAKAT_ISLAM_KAJIAN_DI_NBD_1\(Thesis\).pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5298/1/GERAKAN_KRISTIANISASI_DI_KALANGAN_MASYARAKAT_ISLAM_KAJIAN_DI_NBD_1(Thesis).pdf) [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 10hb Ogos 2019].
- Bevington, E.R. (1955). "The Economy and Development of State of Brunei: 30 June" in *CO [Colonial Office]*, No.1030/300. Available and owned by Author.
- Bevington, E.R. (1958). "Penyata Pembangunan Negeri Brunei, 1953-1958: Jun 1958". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis.
- "Brunei Education Departmental Triennial Report for 1955 to 1957". *Unpublished Government Document*. Bandar Brunei: Education Department.
- Creswell, J.W. (1994). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. California: Sage Publications, Inc.
- "Education in Brunei Darussalam, 1992". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Ministry of Education.
- "Education Policy for Brunei: BA/6469/1983, SUK 240/52". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis.
- Ghofur, Abd. (2015). "Islam dan Politik di Brunei Darussalam: Suatu Tinjauan Sosio-Historis" dalam *TOLERANSI: Media Komunikasi Umat Bergama*, Vol.7, No.1 [Januari-Juni]. Wujud secara online juga di: <https://media.neliti.com/media/publications/40376-ID> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 3hb Ogos 2019].
- Hussin, Sufean. (1993). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem, dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussin, Sufean. (2002). *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia: Teori dan Analisis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jadi, Haris Md. (1990). *Etnik, Politik, dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- JAPEN [Jabatan Penerangan] Brunei Darussalam. (1994a). *Himpunan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Sepanjang 1990*. Bandar Seri Begawan: Penerbit JAPEN [Jabatan Penerangan].
- JAPEN [Jabatan Penerangan] Brunei Darussalam. (1994b). *Kumpulan Titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Sepanjang 1993*. Bandar Seri Begawan: Penerbit JAPEN [Jabatan Penerangan].
- Jibah, Matassim bin Haji. (1983). "Perkembangan Persekolahan Melayu di Brunei dalam Pentabiran Sistem Residen, 1906-1959" dalam *The Brunei Museum Journal*, Vol.5, No.3.

- JPA [Jabatan Perkhidmatan Awam] Brunei Darussalam. (2013). *Kegemilangan Pentadbiran dan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Penerbit JPA [Jabatan Perkhidmatan Awam].
- Jumat, Ahmad Haji. (1989). "A Chronological Study of the Development of Education in Brunei Darussalam from 1906 to 1984 with Special Reference to Education Policies and Their Implementation". *Unpublished Ph.D. Thesis*. USA [United States of America]: The School of Education, California Coast University.
- "Laporan Pelajaran Tahun 1972-1973". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Bandar Brunei: Jabatan Pelajaran.
- "Laporan Pelajaran Tiga Tahun, 1964-1966 (1967)". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Bandar Brunei: Jabatan Pelajaran.
- "Laporan Suruhanjaya Pelajaran Brunei, 1972". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Setiausaha Kerajaan.
- Leake, D. (1990). *Brunei: The Modern Southeast Asian Islamic Sultanate*. Kuala Lumpur: Forum.
- Mahmud, Hajah Roziana binti Haji. (2020). "Pendidikan Melayu Wanita Brunei, 1950-1985: Persekolahan Rendah dan Menengah" dalam *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 8(1), March, pp.73-86. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808 (print) and ISSN 2684-7388 (online).
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2006). *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei, 1950-1985*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2007). "Pendidikan Agama Islam Brunei Darussalam Pra-Merdeka: Pengalaman, Transformasi, dan Cabaran" dalam *BERIGA*, Bil.96 [Julai-September], ms.3-24. Wujud secara online juga di: <https://www.researchgate.net/publication/313313610> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 2hb Mac 2019].
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2011). "Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1950-1984: Pengaruh dan Hubungannya dengan Malaysia" dalam *Pembentukan Malaysia: Isu dan Perdebatan*. Shah Alam: Penerbit UiTM [Universiti Teknologi MARA].
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2013). "Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1950 – 2010: Kemunculan dan Hubungannya dengan Falsafah MIB (Melayu Islam Beraja)" in *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Vol.1(2), September, pp.151-166. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2015). "Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam: Perubahan dan Masalah" dalam *PROCEEDING: 7th International Seminar on Regional Education*, on November 5-7, ms.14-37. Wujud secara online pula di: <https://isre.prosiding.unri.ac.id/index.php/ISRE/article/view/3026/2956> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 3hb Ogos 2019].
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2017). "Pendidikan Vokasional dan Teknikal Pra-Merdeka Brunei Darussalam: Evolusi dan Inovasi" dalam *BERIGA*, Bilangan 119 [Julai-Disember], ms.3-21.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2018). "Perkembangan Sekolah Arab di Brunei Darussalam, 1941-2012: Satu Perspektif Sejarah" dalam *HISTORIA: Jurnal Kajian Sejarah di Nusantara dan Dunia*, Volume 1(1), December, ms.33-50. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press owned by ASPENSI, p-ISSN 2621-8011 dan e-ISSN 2621-802X.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2020). "Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1972-2008: Menjejak Evolusi Mendepani Cabaran" dalam *ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan*, Volume 10(1), June, pp.39-56. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press owned by ASPENSI with print-ISSN 2088-1290 and online-ISSN 2714-6243.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji, Haji Yusop bin Haji Awang Damit & Ampuan Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah. (2014). *Evolusi dan Transformasi Kecemerlangan: 100 Tahun Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1914-2014*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Pendidikan.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji & Andi Suwirta. (2018). "Pendidikan Tradisional di Negara Brunei Darussalam: Perspektif Sejarah" in *ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan*, Volume 8(1), Juni, pp.11-26. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press, ISSN 2088-1290.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji *et al.* (2018). "Perkembangan dan Cabaran Dasar Pendidikan Negara" dalam akhbar *Media Permata*. Bandar Seri Begawan: October 25. Wujud secara online pula di: <https://mediapermata.com.bn/perkembangan-dan-cabaran-dasar-pendidikan-negara> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 3hb Ogos 2019].
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji *et al.* (2019). "Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang" dalam *Media Permata*. Bandar Seri Begawan: February 4. Wujud secara online pula di: <https://mediapermata.com.bn/laporan-aminuddin-baki-dan-paul-chang> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 21hb April 2020].

- "Minutes of the State Council Meetings: 6 July 1946, 6 December 1946, 5 February 1947, dan 6 March 1947". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis.
- Mohamed, Haji Muhaimin bin Haji. (2011). *Pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin, 1924-1950: Kerajaan, Masyarakat, dan Perubahan*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Osman, Sabihah. (1990). *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak, 1841-1941*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman, Sabihah, Muhammad Hadi Abdullah & Sabullah Haji Hakip. (1995). *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Padmore, H.J. (1954). *Proposed Development Plan for Education Department, 1954-1960*. Bandar Brunei: Education Department.
- "Penyata Rasmi Majlis Mesyuarat Negeri Brunei: 16 dan 17 April 1962". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis.
- Prasetyo. (2011). "Gerakan Pemuda di Brunei Darussalam, 1946-1962". *Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Depok, Jawa Barat, Indonesia: Program Studi Ilmu Sejarah FIPB UI [Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya, Universitas Indonesia]. Wujud secara online pula di: <http://lib.ui.ac.id/file?file=digital/20173366-S76-Pergerakan%20pemuda.pdf> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 17hb Ogos 2019].
- Rahman, Haji Abdul Karim bin Haji Abdul. (2016). "Sejarah Pengasasan dan Asal-Usul Kerajaan Brunei Berdasarkan Sumber Lisan". *Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan*. Kuala Lumpur: Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Wujud secara online juga di: http://studentsrepo.um.edu.my/6454/1/HAJI_ABDUL_KARIM_BIN_HAJI_ABDUL_RAHMAN.pdf [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 10hb Ogos 2019].
- Ramanathan, K. (1985). *Politik dalam Pendidikan Bahasa, 1930-1971*. Petaling Jaya: Fajar Bakti, Sdn Bhd.
- Saad, Ibrahim. (1986). *Pendidikan dan Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salman, Abdul Matin bin. (2014). "Kebijakan Kurikulum Studi Islam pada Perguruan Tinggi Islam di Singapura dan Brunei Darussalam". *Laporan Hasil Penyelidikan Tidak Diterbitkan*. Surakarta, Jawa Tengah, Indonesia: LPPM IAIN [Lembaga Penelitian dan Pengabdian kepada Masyarakat, Institut Agama Islam Negeri] Surakarta. Wujud secara online pula di: <http://eprints.iain-surakarta.ac.id/1728/1/Penelitian%202014.pdf> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 3hb Ogos 2019].
- Sari, Surti Nurpita & Herawati. (2018). "Pemerintahan Sultan Hassanal Bolkiah dan Perbankan Islam di Brunei Darussalam, 1984-2015 M" dalam *THAQĀFIYYĀT*, Vol.19, No.1 [Juni], ms.72-94.
- Saunders, Graham E. (2002). *A History of Brunei*. London: Routledge.
- Singh, Ranjit D.S. (1991). *Brunei, 1839-1983: The Problem of Political Survival*. Singapore: Oxford University Press.
- "Sistem Pelajaran Kita Harus Segara Dirubah" dalam *Majalah Suara Guru*, Bilangan 3 [Februari 1962], diterbitkan oleh Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei.
- "Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21), 2009". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Pendidikan.
- "Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1985". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Pelajaran dan Kesihatan.
- Sjamsuddin, Helius. (2014). *Metodologi Sejarah*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Sum, Hisham Haji Md. (1993). "Educational Dependency: A Case Study on Brunei Darussalam". *Unpublished Ph.D. Thesis*. UK [United Kingdom]: University of Reading.
- Tengah, Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji. (2013). "Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21: Isu dan Cabaran di Brunei Darussalam" dalam *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Vol.6, No.2 [November], pp.197-208. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press owned by ASPENSI, ISSN 1979-0112.
- "Training of Teachers at Batu Lintang School: Siaran Sementara, No.22/1948, Ref.No.(6) in ed/75/1948, No.406/1948". *Dokumen Kerajaan Tidak Diterbitkan*. Wujud dan ada fotostatnya pada Penulis.
- Yahzunka, Fala, Mardi Siswoyo & Yusuf Ali. (2018). "Analisis Kerjasama Penanggulangan Terorisme Brunei Darussalam di Kawasan ASEAN" dalam *Jurnal Prodi Perang Asimetris*, Vol.4, No.1 [April], ms.23-44.
- Yew, Lee Kuan. (2009). "The Legacy of Sultan Haji Omar Ali Saifuddien". Wujud secara online di: <https://www.yshhb.org.bn/soas-memorial-lecture/237-the-legacy-of-sultan-haji-omar-ali-saifuddien-by-his-excellency-dato-laila-utama-lee-kuan-yew> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 17hb Ogos 2019].
- Zed, Mestika. (2008). *Metode Penelitian Kepustakaan*. Jakarta: Penerbit YOI [Yayasan Obor Indonesia].



Dasar Pendidikan 1954 dan 1962 di Brunei Darussalam
(Sumber: <https://www.shalaazz.com>, 17/8/2020)

Pendidikan di Brunei Darussalam memerlukan dasar pendidikan untuk menentukan hala-tujunya dalam melahirkan generasi muda yang berkemahiran dan berkebolehan untuk sama-sama membangun negara. Oleh itu, wujudlah Dasar Pendidikan 1954 dan 1962. Bagaimanapun, Dasar Pendidikan 1962 gagal dilaksanakan, terutama menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah Brunei. Dengan yang demikian, Dasar Pendidikan 1954 pun, yang mana berbagai aliran masih berlaku, dianggap tidak mampu menyemai nilai-nilai perpaduan masyarakat Brunei sejak di bangun sekolah lagi.